

11 MAY 2002

Mahathir-KWSP

DR MAHATHIR MINTA KWSP TIMBANG BAIK-BAIK SKIM MENUNAIKAN HAJI

SHAH ALAM, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengkaji dengan teliti sebelum memperkenalkan skim pengeluaran yang baru bagi memastikan hari tua pencaumnya terjamin.

Beliau berkata buat masa ini sudah terdapat terlalu banyak skim pengeluaran caruman yang dilaksanakan oleh badan itu.

"Kalau kita belanja sebelum bersara, bila kita bersara esok kita akan dapat sikit sahaja dan mungkin tidak mencukupi untuk menyara hidup kita di masa-masa sudah tidak ada kerja atau masa kita sakit," katanya kepada pemberita selepas berucap pada perhimpunan sempena sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Malawati di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai kenyataan pengerusi KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali mengenai kesediaan KWSP menimbangkan cadangan untuk membolehkan pencaum mengeluarkan caruman untuk mengerjakan haji.

Dr Mahathir berkata pengeluaran untuk belanja menunaikan haji adalah belanja hangus.

"Saya harap KWSP timbangkan baik-baik perkara ini sebab dah nak beli rumah kita bagi, nak beli komputer kita beli, macam-macam kita bagi," katanya.

Dr Mahathir berkata jika KWSP terus mempertimbangkan skim caruman pengeluaran yang baru, lama kelamaan duit simpanan masa tua pencaum akan habis dibelanjakan sebelum mereka bersara.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu pencaum menyesali perkara itu.

"Lepas itu bila kita dah tak bekerja esok, kita tak ada duit, lepas itu kita menangislah, sedihlah kita kenapa kita belanja dulu, masa itu dah terlewat dah," katanya.

Sebelum ini, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman mencadangkan agar KWSP membenarkan pencaum beragama Islam mengeluarkan wang simpanan mereka untuk menunaikan haji.

-- BERNAMA

NM DC MOZ